

# Pengisytiharan Seoul Mengenai Literasi Media and Maklumat Untuk Semua dan Oleh Semua: Perlindungan Terhadap Disinfodemik

## Mukadimah

Menyedari peluang besar yang dibawa oleh maklumat baru, pertumbuhan pesat teknologi digital, dan ledakan perkhidmatan media dan komunikasi boleh bawa kepada kehidupan manusia di seluruh dunia, pada waktu yang sama mengakui dan berdepan dengan cabaran;

Dengan mengambil kira pandemik COVID-19 dan kesan ancaman nyawa oleh banjir maklumat palsu di dunia hari ini – disinfodemik;

Menekankan bahawa literasi media dan maklumat (LMM) adalah kompetensi teras untuk menangani disinfodemik, dan LMM juga menyumbang kepada akses kepada maklumat, kebebasan bersuara, perlindungan privasi, pencegahan ekstremisme ganas, promosi keselamatan digital dan memerangi ucapan kebencian dan ketaksamarataan;

Menyedari juga bahawa LMM mempromosi kepelbagaian, terutama yang berkaitan dengan kemampuan orang terpinggir untuk menghasil dan menyebarkan kandungan yang menyatakan pandangan dunia mereka;

Menggaris kepentingan LMM sebagai penyumbang kepada pencapaian tujuh belas **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)**, khususnya Sasaran 10 (Akses kepada Maklumat) daripada SDG 16 mengenai Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh, SDG 4 mengenai Pendidikan Berkualiti untuk Semua, dan SDG 5 mengenai Kesaksamaan Gender dan Pemerksaan Wanita dan Anak Gadis, SDG 8 mengenai Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi, dan SDG 11 mengenai Bandar dan Masyarakat Lestari;

Menyedari bahawa 2020 adalah sambutan pertama Minggu Literasi Media dan Maklumat Global sejak Minggu ini diisytihar secara rasmi pada November 2019 di Persidangan Agung UNESCO ke-40 dan menyambut pelancaran Perikatan LMM UNESCO 2.0.

Menyedari usaha UNESCO mempromosi Kerangka Bandar LMM Global untuk merangsang pembelajaran kreatif mengenai LMM di ruang bandar dan penglibatan pelakon bukan-tradisional dalam promosi LMM;

Mengambil maklum hubung kait LMM dengan kerja-kerja UNESCO untuk membangunkan satu instrumen mengenai etika Kepintaran Buatan (AI) yang semakin menjadi faktor bagi komunikasi digital, pembangunan ekonomi dan sosial, dan interaksi sosial;

Menegas kembali semangat pembangunan LMM seperti yang dinyatakan dalam Pengisytiharan sebelumnya seperti Pengisytiharan Grunwald (1982), Pengisytiharan Prague Ke Arah Masyarakat Celik Maklumat (2003), Pengisytiharan Alexander mengenai Literasi Maklumat dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (2005), Pengisytiharan Fex mengenai LMM (2011), Pengisytiharan Moscow mengenai LMM (2012), Pengisytiharan Paris Mengenai LMM Dalam Era Digital (2014), dan Saranan Riga Mengenai Literasi Media dan Maklumat Dalam

Lanskap Media dan Maklumat yang Berubah (2016), Pengisytiharan Belia Mengenai Literasi Media dan Maklumat (2016), Pengisytiharaan Khanty-Mansiysk “Literasi Media dan Maklumat Untuk membina Budaya Kerajaan Terbuka” (2016), dan Kerangka Global UNESCO Untuk Bandar LMM (2018);

### **Oleh itu:**

Kami, peserta-peserta di Persidangan Sorotan Minggu Literasi Media dan Maklumat Global dan Forum Agenda Belia 2020, menyatakan sokongan yang diperbaharui untuk LMM;

Kami memahami bahawa LMM dengan sendirinya bukanlah satu penawar untuk semua masalah, termasuk pandemik, tetapi kami bertegas agar LMM akan lebih diiktiraf dan dihargai dalam keseluruhan sistem pendidikan, sosial dan ekonomi dan diterapkan sebagai sebahagian daripada pendekatan yang lebih proaktif untuk membina masyarakat lestari dan inklusif.

Kami menekankan bahawa peningkatan literasi media dan maklumat untuk semua, yang menangani pemikiran kritis, menyediakan pendekatan mampan untuk memperkukuh pemikiran kritis manusia dan kekuatan kearifan mereka mengenai bagaimana mereka melibatkan diri dengan teknologi maklumat dan komunikasi – terutama sekali semasa krisis.

Kami dengan itu menggesa, supaya “Literasi Media dan Maklumat Untuk Semua dan Oleh Semua” perlu dilanjutkan dalam era keterhubungan digital.

Dalam hubungan ini, kami sanggup untuk:

1. Mempromosi LMM sebagai usaha yang lebih luas untuk mengatasi pepecahan seperti akses kepada maklumat dan pendidikan berkualiti, yang telah diperluas oleh pandemik bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal;
2. Menarik lebih ramai penyertaan dalam LMM dan polisi LMM dari syarikat komunikasi Internet, akademik, NGO, pertubuhan antarabangsa dan serantau, regulator perhubungan, media, masyarakat awam, belia dan komuniti;
3. Menyokong inisiatif LMM yang lebih hebat untuk menangani disinfodemik, perubahan iklim dan lain-lain, serta pada waktu yang sama mendesak untuk menghormati kebebasan bersuara dan akses kepada maklumat yang bukan hanya merupakan hak asasi manusia tetapi juga sebahagian daripada penyelesaian kepada maklumat palsu;
4. Membangun pertimbangan LMM untuk menjadi kerangka etika dalam institusi dan syarikat untuk memastikan pengembangan teknologi yang telus, inklusif dan selamat seperti kepintaran buatan;
5. Menyokong inisiatif LMM untuk menangani determinisme teknologi.

### **Seruan kami untuk tindakan:**

Kami seterusnya meminta kerajaan, dari peringkat kebangsaan ke peringkat bandar, untuk:

1. Menyatakan kesanggupan untuk memajukan “Literasi Media dan Maklumat Untuk Semua Orang dan Oleh Semua Orang” melalui polisi dan peruntukan sumber di

- kesemua bidang yang relevan, termasuk pendidikan, kesihatan, pilihan raya, perlindungan kanak-kanak, cuaca, dan kesaksamaan gender, governans dan peraturan, sebagai contoh;
2. Mengagihkan sumber untuk mengintegrasikan tindakan LMM ke dalam strategi tindak balas COVID-19 kebangsaan, dan untuk membina ketahanan rakyat terhadap maklumat palsu memandangkan kebarangkalian terjadinya krisis pada masa akan datang;
  3. Menyokong perkembangan polisi, kurikulum dan program LLM kebangsaan dan antarabangsa yang akan memastikan pembelajaran sepanjang hayat bagi setiap generasi dalam era digital;
  4. Menyokong peningkatan kemahiran dan latihan pendidik LMM yang sedia ada dan yang berpotensi, di dalam dan di luar sistem pendidikan formal;
  5. Menempatkan kumpulan yang berisiko dipinggirkan, termasuk wanita dan anak gadis, pada kedudukan keutamaan, dalam pengembangan polisi LMM dan memastikan kumpulan-kumpulan ini juga adalah penerima manfaat usaha pemerkasaan LMM;
  6. Meningkatkan penglibatan belia dan masyarakat awam sebagai pemain aktif dalam pembuatan polisi LMM untuk memastikan suara mereka didengari;
  7. Mengubah bandar-bandar menjadi bandar-bandar LMM UNESCO untuk memperkasa penduduk dengan kompetensi mengenai komunikasi dan maklumat;
  8. Bekerjasama dengan saintis dan rangkaian akademik secara aktif untuk memastikan tindakan dan polisi LMM di dalam kerajaan, di peringkat kebangsaan dan tempatan; mengintegrasikan sumber maklumat yang boleh dipercayai, relevan dan tepat pada masanya ke dalam pelaksanaan tindakan yang berkaitan dengan LMM;
  9. Meningkatkan kerjasama di antara kementerian kerajaan yang berlainan, badan pendidikan pemilih, pihak berkuasa bandar, institusi pendidikan, regulator komunikasi, institusi media, perpustakaan, perkhidmatan maklumat belia dan institusi penyelidikan bagi tujuan mempromosi lebih kesedaran dan pengiktirafan kepada LMM;
  10. Memajukan LMM sebagai alat utama untuk pengawalan moden, governans media dan teknologi, pembangunan perpustakaan, dan reka bentuk teknologi.

Kami mengajak masyarakat awam, media, belia, institusi akademik dan penyelidik untuk:

1. Menyertai rangkaian yang relevan kepada LMM, seperti Perikatan LMM UNESCO, LMM dan Dialog Antara Budaya Rangkaian Universiti, dan rangkaian-rangkaian Kerusi UNESCO/UNITWINS, untuk berkongsi kepakaran dan wawasan dan menilai kesan program-program LMM;
2. Merancang dan melaksana tindakan kolaboratif di peringkat kebangsaan, serantau dan global sebagai tindak balas kepada disinfodemik dan membuat persediaan untuk disinfodemik akan datang;
3. Menyumbang kepada proses rundingan untuk mengemaskini Kurikulum LMM UNESCO untuk Guru termasuk silibus untuk pendidik pembelajaran sepanjang hayat dan pendidik yang berada di luar pendidikan rasmi (seperti pustakawan);
4. Melibatkan diri dengan lebih banyak governans dan polisi kebangsaan dan antarabangsa mengenai LMM;
5. Menggalakkan kerangka LMM yang memberi tumpuan kepada pelbagai komunikasi budaya dan pelbagai bahasa, pemeliharaan hak-hak linguistik, dan memecah halangan komunikasi dengan kumpulan terdedah kepada bahaya dan terpinggir.
6. Menggalakkan penyelidikan pelbagai disiplin mengenai bagaimana LMM menyumbang kepada kesihatan psikologi dan sosial, seperti melalui literasi emosi

dan lain-lain kompetensi;

7. Memerhati dan mengambil bahagian dalam rangkaian dan perbincangan LMM untuk mempelajari usaha dan hasil dalam pelbagai bidang dari perspektif legasi media. Tindakan LMM melibatkan nilai media dan maklumat sama seperti profesional dalam bidang kewartawanan;

Kami menyeru sektor swasta, termasuk syarikat komunikasi Internet, untuk:

1. Memainkan peranan bertanggungjawab, melalui sistem penginstitutionan pelbagai pihak berkepentingan, sebagai sebahagian dari usaha sosial untuk mengatasi maklumat palsu dan membina komuniti yang celik media dan maklumat;
2. Memerintahkan sumber untuk mengintegrasikan LMM ke dalam perkhidmatan pengguna dan prosedur operasi standard, dan mempertingkatkan peranan LMM sebagai pertahanan terhadap disinfodemik COVID-19.
3. Meningkatkan sumber sokongan bagi pembuatan dasar LMM, peningkatan keupayaan institusi dan latihan untuk pelaku seperti guru, masyarakat awam dan pekerja kesihatan;
4. Mempromosi LMM dalam kalangan orang muda, termasuk inisiatif oleh belia untuk menyebarkan LMM;
5. Membangun program-program spesifik untuk menyokong sistem penyelidikan saintifik dan akademik mengenai LMM;
6. Menyokong hak asasi manusia bagi kebebasan ekspresi, akses kepada maklumat dan privasi, dengan mempromosi LMM sebagai sebahagian dari tanggungjawab sektor perniagaan untuk menghormati hak;
7. Memupuk inovasi sosial LMM dengan menggunakan kepintaran buatan dan teknologi baharu lain, dengan penyertaan kumpulan terdedah dalam inisiatif-inisiatif ini.

Kami meminta UNESCO, dengan kerjasama agensi-agensi UN yang lain, untuk:

1. Mengekalkan peranannya sebagai organisasi antarabangsa yang berpengaruh dan pemengaruh polisi dalam bidang literasi media dan maklumat;
2. Meneruskan integrasi LMM dalam intervensi tematik lain bagi tindak balas UNESCO terhadap COVID-19;
3. Mengerakkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta, untuk mengambil bahagian dalam usaha untuk mengatasi maklumat palsu dan untuk memastikan LMM dimasukkan dalam usaha untuk menutup jurang digital, termasuk jurang kemahiran digital;
4. Mengekalkan fokus kepada penyertaan kumpulan berkeperluan/kurang bernasib baik dalam penglibatan LMM, dan untuk terus memupuk kesaksamaan gender berkaitan dengan LMM;
5. Berusaha ke arah kolaborasi LMM secara lebih aktif dalam kalangan agensi-agensi UN.
6. Menyokong pengisytiharan rasmi Minggu Media dan Maklumat Global oleh Bangsa-bangsa Bersatu;
7. Memperhebatkan usaha-usaha untuk mengisytiharkan LMM Untuk Semua sebagai keutamaan penting.